



2 Oktober 2017
2 October 2017
P.U. (A) 297

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
(KAMPUS) (CAWANGAN KUALA LUMPUR) 2017

*UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (CAMPUS)
(KUALA LUMPUR BRANCH) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (KAMPUS)
(CAWANGAN KUALA LUMPUR) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Utara Malaysia (Kampus) (Cawangan Kuala Lumpur) 2017**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2013.

Penubuhan Kampus

2. Apabila Perintah ini mula berkuat kuasa—

(a) suatu Kampus bagi Universiti Utara Malaysia tertubuh;

(b) nama Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) ialah “Universiti Utara Malaysia—Kampus (Cawangan Kuala Lumpur)”;

(c) Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) bertempat di Lot 2359, Seksyen 41, No. Hakmilik PN. 30699, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan

(d) Kolej Perniagaan, Kolej Sastera dan Sains, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, dan apa-apa Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut lain yang ditubuhkan bagi maksud Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) hendaklah ditempatkan di Kampus itu.